



LOCAL GOVERNMENT ORDINANCE 1961 (Sabah No.11 of 1961)



Disediakan oleh:
Mohd Saifurrazee Hussin
Pegawai Undang-Undang
Unit Perundangan
Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan
Sabah

KANDUNGAN ORDINAN

Terdiri daripada bahagian-bahagian berikut:

1. PERMULAAN (S1-2)
2. PENUBUHAN PBT (S3 – 8)
3. KOMPOSISI PBT (S9 – 14)
4. MESYUARAT DAN PROSIDING PBT (S15 – 35)
5. FUNGSI-FUNGSI PBT (S36 -49E)
6. UNDANG-UNDANG KECIL (S50 – 52A)
7. PERUNTUKAN KEWANGAN (S53 – 68A)
8. KAKITANGAN DAN PEKERJA (S69 – 69A)
9. HARTA-HARTA PBT (S70 – 71)
10. KADARAN (S72 – 88)
11. SES (S89 – 89A)
12. PEROLEHAN KEMBALI KADAR DAN JUMLAH TUNGGAKAN LAIN (S90 – 98)
13. PEMANTAUAN DAN KAWALAN (S99 – 100)
14. PELBAGAI (S101 -107)
15. PEMANSUHAN DAN TRANSISI (S108 – 110)

PBT
(S 3)

SURATCARA
(S3 – 4)

PERINTAH TETAP /
STANDING ORDERS
(S 22)

UNDANG –UNDANG
KECIL (UUK)
(S50 – 52A)

Bahagian 2

PENUBUHAN PBT
(S3 – 8)

SOALAN

Bagaimana Pihak Berkuasa Tempatan ditubuh?

JAWAPAN

1. TYT melalui Suratcara/Instrument mewartakan dalam Warta Kerajaan mengenai penubuhan (S3)
2. Kerani kepada Kabinet memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang telah ditubuhkan itu satu sijil yang mengesahkan bahawa ianya telah ditubuh beserta Suratcaranya dan kemudiaannya dipapar/dipamerkan di tempat yang sesuai (prominent position/ord.meeting place) dalam pejabat (S4)
3. Satu salinan akan disimpan oleh Menteri KKTP dan satu lagi akan disimpan oleh PBT berkenaan (S5)

SOALAN

Apakah yang terkandung dalam Suratcara/Instrumen?

JAWAPAN

1. Terbahagi kepada dua bahagian:

Hendaklah/wajib
ada S6 (1)



1. Nama dan kuatkuasa
2. Kawasan bidangkuasa dan kawasan pekan (sekiranya menghendaki)
3. Cop mohor
4. Komposisi dan jumlah ahli majlis serta cara lantikan
5. Alamat pejabat dan tempat mesyuarat
6. Fungsi Pihak Berkuasa Tempatan

Boleh / May
S6(2)...antaranya

1. Fungsi yang tidak dilaksanakan di kawasan tertentu
2. Menghad pemakaian Ordinan terhadap PBT atau kawasan tertentu
3. Pembahagian kawasan
4. Mengiktiraf kawasan lain selain kawasan bandar sbg kawasan kadaran
5. Cara lantikan ahli majlis
6. Ahli ko-opt majlis
7. Pembayaran elaun pengurus dan ahli
8. Tempoh lantikan
9. Syarat lantikan
10. Jumlah ahli minimum mesyuarat boleh diadakan
11. dsb

Bahagian 3

**KOMPOSISI PBT
(S9 – 14)**

- Termaktub dalam Suratcara (s9)

SOALAN

Siapa yang layak menjadi Ahli Majlis/Pihak Berkuasa Tempatan?

1. *natural person*
2. Warganegara Malaysia
3. Telah lama menetap di Sabah 10 tahun sebelum dilantik
4. Tinggal /bekerja dalam kawasan PBT
5. Telah 12 bulan sebelum lantikan tinggal / bekerja dalam kawasan PBT

Hilang kelayakan (S10A)

1. Hilang kesetiaan
2. Bangkrap di Malaysia atau mana-mana negara Komanwel
3. Memegang jawatan di PBT
4. Rakan kongsi atau pihak sebelah kepada apa-apa kontrak dengan PBT tanpa memberi notis sebulan sebelum pelantikannya memberitahu apakah kontrak tersebut dan kepentingannya
5. Telah dilucut kelayakan profesionalnya (sekiranya ada tetapi tidak lebih 10 tahun dari perintah)
6. Dihakimi kurang siuman
7. Di mana-mana negara Komanwel, dihukum mati atau penjara 12 bln atau lebih atau telah disabitkan kesalahan membabitkan ketidakjujuran dan tanpa mendapat keampunan
8. Menjadi anggota tentera atau polis
9. Selain KD, KAN dan KK, sedang dalam lantikan persekutuan atau Kerajaan Negeri kecuali dengan kelulusan mereka untuk dilantik
10. Hilang kelayakan oleh Enakmen lain
11. Ahli lain dalam Pihak Berkuasa Tempatan tersebut selain sebagai Ahli Majlis

Bahagian 4

**MESYUARAT DAN PROSIDING PBT
(S15 – 35)**

1. Jumlah Ahli mesyuarat tidak kurang daripada yang termaktub dalam Suratcara (s15)
2. Setiap keputusan hendaklah dibuat dengan undi, sekiranya sama undian, Pengerusi hendaklah membuang undi (s16)
3. Pengerusi hendaklah mempengurusikan mesyuarat atau timbalannya. Sekiranya tidak ada, mana-mana ahli yang dipilih.(s17)
4. Mesyuarat hendaklah terbuka kepada orang ramai termasuk wartawan (s18)
5. Minit mesyuarat hendaklah disahkan oleh Pengerusi dan disimpan dalam fail khas dan hendaklah terbuka untuk dilihat (s19 & 20)

Bahagian 5

FUNGSI-FUNGSI PBT (S36 – 49E)

1. Pihak Berkuasa Tempatan boleh:

- a) menerima pemberian untuk tujuan awam (s36);
- b) kontrak (dengan kelulusan Menteri) (s37);
- c) Kuasa mengawal tempat-tempat awam untuk kegunaan awam e.g. jalanraya, taman permainan, kawasan terbuka, parkir dll (s38);

2. Seksyen 49 (1 – 73)

Suratcara hendaklah memasukkan semua atau sebahagian fungsi-fungsi berikut di semua atau sebahagian kawasannya:

- a) Pengiklanan (mengawal,siasat,larang,menanggal,lesen, mempromosi kawasan)
- b) Pertanian;
- c) Haiwan;
- d) Bangunan;
- e) Pengkebumian;
- f) Pendidikan;
- g) Perumahan;
- h) Tanah;
- i) Pelesenan (hotel, restoran, dandan rambut, rumat urut dll)

- j) Pasar (sewa,tempat,)
- k) Kemudahan awam (kawasan terbuka, taman permainan, pokok dll)
- l) Dll.

3. Kacau Ganggu / Nuisance (s49A - 49E)

- i) PBT hendaklah mangurangkan kacau ganggu di dalam kawasan PBT masing-masing sama ada di tempat awam mahupun persendirian (s49A);
- ii) Apakah yang dikategorikan sebagai kacau ganggu?
 - a) pembinaan;
 - b) sejumlah haiwan, burung , ayam itik, bangkai haiwan yang menyebabkan kacau ganggu;
 - c) sebarang habuk, sisa-sisa, buangan yang boleh menyebabkan tempat pembiakan nyamuk, lalat dan haiwan pembawa penyakit;
 - d) kilang, bengkel, tempat kerja yang tidak terjaga rapi;
 - e) pondok atau lindungan;
 - f) kolam, parit
 - g) tangki, perigi, kolam, laluan air, parit, saliran yang berbahaya terhadap kesihatan

- h) Tempat pembakaran;
- i) Kilang bata, pasir, kerja-kerja gali ;
- j) Habuk, buangan hasil perdagangan, perniagaan, pengeluaran, atau proses yang membahayakan kesihatan;
- k) Tempat pembiakan nyamuk atau lalat;
- l) Peralatan, atau cara pemprosesan yang bleh mendatangkan mudarat kepada awam dan kacau ganggu;
- m) Bunyi atau gegaran;
- n) perdagangan/tred atau pekerjaan atau penyimpanan barang yang boleh menyebabkan kacau ganggu atau membahayakan kesihatan;
- o) Premis niaga atau tempat makan yang tidak terjaga
- p) halangan atau timbunan atau buangan
- q) lain-lain perkara yang diisyihar kacau ganggu oleh Menteri.

4. Prosedur kacau ganggu. (s49c)



Nuisance Order

Abatement Order

- Patuh kepada kehendak dalam notis;
- Mengurangkan kg dlm tempoh tertentu;
- Menetapkan kerja-kerja tertentu

Closing Order

- Melarang rumah digunakan sbg tempat tinggal;
- PBT akan serah salinan perintah,
- Sekiranya gagal patuh, mengeluarkan penghuni dengan bantuan polis
- Sekiranya PBT berpendapat rumah tersebut berbahaya, aduan boleh dibuat di Majistret dan perintah meroboh blh dibuat. Sekiranya gagal patuh, denda <RM100 setiap hari berterusan.
- PBT boleh meroboh sendiri dan kosditanggung oleh penghuni

iii) Kacau ganggu diluar kawasan boleh diambil tindakan (S49E)

Bahagian 6

UNDANG-UNDANG KECIL (S50 – 52A)

Nota: Sila rujuk handsout “bylaws”

BAHAGIAN 7

PERUNTUKAN KEWANGAN (S53 – 68A)

1. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah membuka satu tabung yang dinamakan Tabung Majlis Perbandaran, Tabung Majlis Daerah, Tabung Bandaran (s53)
2. Hasil-Hasil Pihak Berkuasa Tempatan: (s55)
 - a) kadaran;
 - b) fi, bayaran, tunggakan, sewa;
 - c) denda, kompaun;
 - d) bayaran hasil keuntungan perdagangan;
 - e) faedah hasil simpanan;
 - f) hasil pemberian Kerajaan spt sumbangan , bantuan kerajaan dsb;
 - g) apa – apa hasil kerajaan yang telah diluluskan oleh Dewan dan diiktiraf sebagai hasil di bawah seksyen ini.
3. PBT boleh mengenakan suatu fi/ caj bagi:
 - a) apa-apa perkhidmatan sepetimana dalam resolusi/mesyuarat penuh;
 - b) apa –apa bayaran bagi lesen atau permit yang dikeluarkan oleh PBT di bawah mana-mana undang bertulis yang tidak menetapkan kadar bayaran.

4. Surcaj. (s68A)

- i) PBT boleh mengenakan surcaj terhadap mana-mana pegawainya yang didapati membuat pembayaran haram (unlawful payment), atau kecuaian atau salah laku sehingga menyebabkan kerugian kepada PBT.
- ii) Menteri beri notis terhadap pegawai yang akan disurcaj. Setelah menerima notis, pegawai tersebut boleh membuat rayuan kepada Menteri Kewangan dalam tempoh 30 hari. Sekiranya lebig RM500, kepada Mahkamah Tinggi.
- iii) Pegawai tersebut hendaklah membayar jumlah tersebut dalam tempoh 30 hari dari tarikh notis atau tarikh keputusan rayuan dibuat. Sekiranya gagal, tindakan mahkamah boleh diambil.
- iv) Satu sijil akan ditandatangani oleh Menteri sebagai bukti mangatakan bahawa satu jumlah tertunggak perlu dibayar oleh pegawai tersebut dan satu sijil ditandatangani oleh Pengurus atau pegawai yang bertanggungjawab dalam akaun yang menyatakan satu jumlah adalah tertunggak

BAHAGIAN 8

KAKITANGAN DAN PEKERJA (S69 – 69A)

1. Setiap PBT hendaklah melantik Pegawai Eksekutif dan Bendahari
2. Gaji hendaklah mendapat kelulusan Menteri
3. Pemecatan hanya dengan kelulusan Menteri
4. Setiap PBT boleh melantik pegawai sama ada sepenuh masa atau separuh masa.
5. PBT boleh membuat skim bagi penubuhan pencen, elaun kematian, pemberhentian, persaraan, pelepasan.
6. Sekiranya pegawai tersebut adalah pinjaman dari kerajaan, elaun-elaun lain yang sepatutnya pegawai itu dapat semasa berkhidmat dalam kerajaan boleh dinikmati tertakluk kepada kelulusan Menteri Kewangan.
7. Menteri boleh membuat peraturan berkenaan tatatertib, disiplin berserta hukuman yang boleh dikenakan.
8. Menteri juga boleh membuat peraturan berkenaan kelayakan, tugas-tugas, syarat-syarat, cuti, waku kerja, kerja lebih masa dll.

BAHAGIAN 9

**HARTA-HARTA PBT
(S70 – 71)**

1. TYT boleh meletakhak mana-mana tanah negeri kepada mana-mana Pihak Berkuasa Tempatan bagi tujuan pelaksanaan fungsi-fungsinya di bawah Ordinan ini dan tanah tersebut bersifat satu amanah (Pihak Berkuasa Tempatan sebagai pemegang amanah)
2. Walaubagaimanapun, tanah tersebut boleh diambil semula sekiranya dikehendaki.
3. Bagi tanah yang dibeli, “acquired” atau dipohon oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan telah dikeluarkan geran, setiap penjualan, penyewaan atau pindahmilik terhadap tanah tersebut hendaklah mendapat kelulusan daripada Menteri.

BAHAGIAN 9

**KADARAN
(S72 – 88)**

APAKAH HARTA BERKADAR?

1. Semua harta dalam kawasan berkadar adalah harta berkadar kecuali:
 - a) harta untuk tujuan keagamaan;
 - b) tanah didaftar di bawah Burial Ordinance untuk pengebumian;
 - c) harta untuk kegunaan sekolah yang tidak melibatkan keuntungan ;
 - d) Harta untuk tujuan seni, amal, kesusasteraan dan bukan bersifat keuntungan;
 - e) tanah untuk bersukan yang tidak bersifat keuntungan atau tanah persendirian untuk tujuan tersebut kecuali sebarang bentuk perlumbaan;
 - f) harta milik Kerajaan atau milik Q.E untuk tujuan Komanwel;
 - g) harta yang diduduki oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan;
 - h) nilai kadar kurang daripada RM120.00
 - i) harta yang dikecualikan oleh TYT

PROSEDUR PENILAIAN

1. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah tidak lewat dari hari pertama bulan Disember membuat penilaian terhadap harta. Nilai kadar boleh dikekalkan sehingga 4 tahun berturut. Walaubagaimanapun, Menteri boleh membenarkan had lebih lama (s74).
2. Pihak Berkuasa Tempatan boleh meminta pihak Kerajaan untuk membuat penilaian atau meminta penilai persendirian. (s74)
3. Pihak yang diberikuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan boleh memasuki mana-mana premis pada masa yang sesuai (reasonable hours).(S75)
4. Penyewa/ penghuni walaupun bukan pemilik boleh menjawab apa-apa solan yang ditanya oleh pihak yang diberi kuasa untuk menilai. (s76)
5. Apabila telah selesai membuat penilaian dan soalan, Pihak Berkuasa Tempatan boleh membuat senarai penilaian. Senrai tersebut hendaklah disimpan di di pejabat Pihak Berkuasa Tempatan. Orang awam boleh memeriksa senarai tersebut.

6. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mewartakan senarai tersebut dan menetapkan satu tarikh pendengaran 21 hari sebelum hari pendengaran untuk mendengar sebarang bantahan. (s77)
7. Notis bantahan hendaklah dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan 6 hari dari hari pendengaran. Notis hendaklah menyertakan perincian harta tersebut dan jumlah nilai yang dibantah serta jumlah yang dicadangkan. Fi dikenakan bagi setiap bantahan dan dikembalikan sekiranya bantahan diterima.
8. Selain itu, orang awam juga boleh membuat bantahan berdasarkan alasan berikut:
 - a) bahawa dia tidak sepatutnya dikenakan bayaran berdasarkan kepada harta yang dimasukkan;
 - b) bahawa harta tersebut tidak sepatutnya dimasukkan dalam senarai;
 - c) gagal membuat penilaian secara teratur.

1. Setiap keputusan hendaklah direkod dan disimpan di pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan hendaklah terbuka untuk pemeriksaan oleh mana-mana orang yang terkesan.
2. Sebarang rayuan terhadap keputusan Tribunal boleh dibuat di Mahkamah Tinggi.
3. Satu perintah kadar akan dikeluarkan bagi penatapan kadar yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan bagi setiap harta berkadar.(S82)

Kuasa membatalkan, ubah, mengabai kadar dan senarai penilaian (s85).

1. Pihak Berkuasa Tempatan boleh membatalkan mana-mana kadar sekiranya harta itu rosak atau musnah.
2. Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengabaikan mana-mana kadaran dan dikeluarkan daripada senarai penilaian dari masa ke semasa.
3. Pihak Berkuasa Tempatan boleh ubah kadar pada mana-mana harta yang telah dibahagikan dan mengeluarkan kadar baru.
4. Membuat penilaian baru atas sebab kenaikan atau kejatuhan nilai harta.
5. Membuat pembetulan terhadap mana-mana senarai penilaian dari masa ke semasa eg. Pemilik baru
6. Membuat tambahan penilaian bagi mana-mana bahagian harta tersebut yang belum dinilai atau bagi mengenakan kadar khas bagi apa-apa perkhidmatan tambahan yang diberikan.

1. Suatu kadar itu menjadi tunggakan apabila Pihak Berkuasa Tempatan menetapkan satu tarikh bila sesuatu pembayaran perlu dibuat. Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah menetapkan notis 30 hari (s86).
2. Pihak Berkuasa Tempatan boleh memberikan diskaun bagi pembayaran awal sebelum tarikh tunggakan ditetapkan dengan kelulusan Menteri.
3. Pihak Berkuasa Tempatan boleh kenakan kadar faedah sehingga 8% dari tarikh tunggakan.

BAHAGIAN 10

**SES
(S89 – 89A)**

APA YANG BOLEH DIKENAKAN SES?

1. Apa-apa kelas termasuk orang.
2. Keluaran pertanian atau haiwan ternakan;
3. Penjualan atau pindahan mana-mana keluaran pertanian atau penternakan dari kawasan Pihak Berkuasa Tempatan ke kawasan lain.
4. Pemilik atau penghuni bagi mana-mana harta yang bukan dalam kawasan perkadaran atau mana-mana kharata yang dalam kawasan perkadaran tetapi dikecualikan dalam perenggan 73 (a) hingga (g) dan perenggan (i)
5. Ses boleh dikenakan seluruh atau sebahagian kawasan dan berbeza di setiap kawasan dan hendaklah menjadi tertunggak pada tarikh yang akan ditetapkan dalam Perintah Ses.
6. Perintah ses hendaklah mempunyai kandungan berikut:
 - a) Prosedur kutipan;
 - b) Borang yang perlu digunakan;
 - c) Penalti < RM500.00;
 - d) Arahan umum

BAHAGIAN 11

**PEROLEHAN KEMBALI KADAR DAN
JUMLAH TUNGGAKAN LAIN
(S90 – 98)**

SOALAN

Apakah kaedah-kaedah bagi mendapatkan tunggakan?

JAWAPAN

1. Summary proceeding (s90)

- Isu: tidak ada peruntukan khas mengenai prosedur prosiding tersebut.
Perlu ada jadual di dalam Ordinan.
- Pindaan?

2. Tuntutan saman (s91)

- Memakan masa yang lama
- Kos tinggi (fi guaman)

3. Cagaran (s94)

- Majistret akan mendengar saman oleh PBT terhadap pemilik dan sekiranya berpuashati, harta tersebut boleh dicagar dan didaftar di Jabatan Tanah.
Tidak melebihi 6 tahun tunggakan atau oleh pemilik terdahulu.

4. Harta berkadar tidak boleh dipindahmilik selama mana adanya tunggakan.(s98)

BAHAGIAN 12

PEMANTAUAN DAN KAWALAN

(S99-100)

1. Menteri boleh mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengemukakan dokumen tertentu kepada seorang pegawai yang dilantik di bawah Enakmen Jawatankuasa Inkiri 1981 apa-apa minit mesyuarat , laporan kewangan bagi tujuan melihat perjalanan aktiviti Pihak Berkuasa Tempatan.
2. Sekiranya TYT berpandangan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan tersebut gagal untuk menjalankan tanggungjawabnya di bawah Ordinan, TYT boleh mengisyihar kerusi keahlian dalam Pihak Berkuasa Tempatan tersebut dikosongkan dan Menteri sesudah itu boleh:
 - a) melantik ahli baru;
 - b) mencalonkan satu Suruhanjaya bagi melaksanakan tugas yang gagal dilaksanakan.

BAHAGIAN 13

PELBAGAI

(S101-107)

JAWAPAN SALAH(S101)

- Bagi tujuan siasatan/kumpul bukti, setiap kenyataan mestilahh secara bertulis.
- Kenyataan palsu boleh didenda RM500 DAN 3 bulan penjara

BEBAN PEMBUKTIAN(S102)

- Bagi mana-mana kes mambabitkan kesalahan tanpa lesen, adalah mencukupi bagi pendakwaan untuk membuktikan bahawa pada masa kejadian berlaku tertuduh sedang menjalankan aktiviti yang memerlukan lesen tersebut.
- Tertuduh perlu membuktikan bahawa dia mempunyai lesen yang dikeluarkan oleh PBT

NOTIS (S102A)

- Hendaklah diserahkan kepada seseorang di”
 - a) serahan tangan/ alamat terakhir (serah kepada dewasa)
 - b) meninggalkan tempat kebiasaan/alamat terakhir tmpt tinggal/kerja dengan bersampul
 - c) dengan pos berdaftar /A.R. registered post di alamat terakhir yang diketahui.
- Adalah mencukupi sekiranya PBT menamakan “pemilik/penghuni” dalam notis tersebut (hanya situasi a & b terpakai)

GAGAL MEMATUHI NOTIS ATAU PERINTAH (S102B)

- Sekiranya gagal patuh perintah/notis PBT, boleh denda <RM5000 atau penjara <6 bln atau kedua duanya.

PEROLEHAN SEMULA PERBELANJAAN (S102C)

- Sekiranya kesalahan telah berlaku, dan suatu kerja perlu dilaksanakan dalam mematuhi perintah/notis PBT, penghuni/penyewa premis tersebut boleh dengan kelulusan PBT melaksanakan kerja tersebut dgn kosnya sendiri dan boleh dituntut kembali oleh penghuni/penyewa terhadap pemilik premis dengan menolak sewa premis.

PERBELANJAAN DAN KOS DIBAYAR OLEH PEMILIK (S102D)

- Sebarang kos dalam pelaksanaan kerja oleh PBT, dan tunggakan tersebut boleh dimasukkan dalam charge pertama keatas harta tersebut.

PEROLEHAN SEMULA PERBELANJAAN ATAU KOS DARIPADA ORANG YANG GAGAL (S102E)

- PBT boleh memporoleh semula kos terhadap pemilik denagn cara di dalam s102D

PEROLEHAN SEMULA SECARA ANSURAN (S102F)

- Dengan faedah yang boleh ditetapkan oleh PBT (biasanya 8%)

BUKU PBT MENJADI BUKTI PRIMA FACIE TERHADAP TUNGGAKAN (S102G)

- Mencukupi bagi PBT menunjukkan kepada Mahkamah bahawa pemilik tersebut berdasarkan kepada buku/resit/pendaftaran tersebut belum membuat pembayaran.

KUASA UNTUK MEMASUKI (S103)

- Pengerusi atau yang diberi kuasa boleh memasuki premis pada masa yang sesuai antara terbit fajar hingga tergelincir matahari **untuk ukuran, pemeriksaan atau melaksanakan kerja**.
- Pengerusi juga boleh atau pegawai yang diberi kuasa olehnya untuk memasuki premis pada waktu malam atau siang tanpa notis bagi **tujuan siasatan** di kawasan bandar. Walaubagaimanapun, waktu malam perlu kebenaran penghuni dengan menunjukkan surat kuasanya apabila diminta.
- Kemasukan mana-mana premis tidak boleh dianggap sebagai hak kecuali notis 4 jam kepada penghuni sebelumnya telah dikeluarkan.
- Sekiranya Majistret berpuashati bahawa sebab munasabah untuk masuk premis bagi memastikan sama ada kesalahan di bawah Ordinan ini atau UUK telah dilakukan dan tidak mendapat kebenaran masuk dan notis 4 jam telah dibuat, atau sebab kecemasan, atau tidak berpunghuni, boleh mengeluarkan waran untuk masuk

PENUTUPAN DAN PEROBOHAN PREMIS (S103A)

- Premis yang digunakan untuk pelanggaran Ordinan /UUK/Undang-undang lain yang PBT diberi kuasa untuk kuatkuasa, boleh diroboh dengan kebenaran Majistret apabila PBT membuat permohonan bertulis.

MENGHALANG PEGAWAI DALAMM MANJALANKAN TUGAS (S104)

- <RM 5000 / penjara 3 tahun atau kedua-dua sekali.

KUASA MENANGKAP (S104A)

-Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh PBT polis boleh menangkap **tanpa waran** mana-mana orang yang melakukan kesalahan dihadapannya atau sesiapa aygn dia percaya telah melakukan kesalahan di bawah Ordinan/UUK, **DENGAN SYARAT:**

- a) jika nama dan alamat tidak diketahui dan orang itu enggan memberi nama dan alamatnya
- b) timbul keraguan terhadap nama dan alamatnya.

-Yang ditangkap perlu ditahan dan dibawa ke Majistret dalam tempoh 24 jam kecuali nama dan alamatnya terlebih dahulu didapati.

KUASA MERAMPAS DAN MELUPUS (S104B)

- PBT/polis blh meminta seseorang menunjukkan lesen bagi aktivit yang memerlukan lesen.
- Sekiranya PBT/polis mempunyai sebab untuk percaya bahawa seseorang itu telah melakukan kesalahan, bolehlah dirampas sesuatu barang yang disyaki digunakan untuk tujuan kesalahan.
- Semua rampasan boleh dilupus tertakluk kepada:
 - a) Pengerusi atau pegawai yg diberi kuasa oleh Pengerusi dengan budi bicara melepaskan sementara barang tersebut dan boleh dituntut apabila diminta atau untuk ditunjukkan di mahkamah kelak.
 - b) Tiada pendakwaan, dan setelah sebulan dari tarikh rampasan, dan tiada tuntutan dalam tempoh tersebut.
- Pemilik boleh membuat tuntutan dengan memberi notis bertulis kepada PBT sebelum sebulan dari tarikh rampasan.
- Sekiranya barang tersebut mudah rosak, barang tersebut boleh jual dan boleh menjalankan pendakwaan sepetimana barang tersebut tidak dijual.
- Barang-Barang yang dilupus hendaklah dijual berdasarkan ordinan ini atau Undang-Undang lain yang berkuatkuasa.

ORANG TERTENTU DIANGGAP PENJAWAT AWAM (S105)

- Bagi tujuan keseragaman di bawah Kanun Keseksaan, Kanun Prosedur Jenayah

KEHADIRAN DI PROSIDING MAHKAMAH (S106)

-EO, pegawai yang diberi kuasa dengan resolusi, PUU Kementerian, PUU JPBN,
peguam yang diberi kuasa oleh PBT

NON LIABILITY (S106A)

PENALTY UMUM (S106B)

-Sekiranya tidak terdapat penalty dalam mana-mana UUK atau Ordinan ini bagi
kesalahan tertentu, denda RM10,000 atau penjara <2 tahun atau kedua-duanya

Soalan2 Lepas

- (1) Dalam Ordinan Kerajaan Tempatan 1961-
- (a) Jelaskan prosedur untuk menubuhkan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan (s3,4);
dan
 - (b) nyatakan bagaimana sesuatu undang-undang kecil dibuat (s50).
- (2) Huraikan berbagai langkah yang boleh diambil oleh sesebuah Majlis Perbandaran untuk mendapatkan kadar dan jumlah wang lain yang terhutang kepadanya di bawah Ordinan Kerajaan Tempatan 1961(s 90,91,98, 97).
- (3) Perihalkan berbagai langkah yang boleh diambil oleh sesebuah Majlis Perbandaran untuk mendapatkan jumlah wang yang terhutang oleh milik atau penghuni berhubung dengan kadar dan caj perkhidmatan majlis. (s 90,91,98, 97).
- (4) Semua harta yang berada dalam mana-mana kawasan cukai adalah harta cukai melainkan bagi harta tertentu yang dikecualikan. Nyatakan harta yang dikecualikan tersebut dengan merujuk Ordinan Kerajaan Tempatan 1961;(s73)

**SEKIAN
TERIMA KASIH**